



رئاسة الشؤون الدينية
بالمسجد الحرام والمسجد النبوي

Melayu

ملايو

أَنَا مُسْلِمٌ

Saya Seorang Muslim



Jawatankuasa Ilmiah Pentadbiran Hal Ehwal Agama
Masjid al-Haram dan Masjid al-Nabawi

أَنَا مُسْلِمٌ

Saya Seorang Muslim

اللَّجْنَةُ الْعِلْمِيَّةُ

بِرئاسة الشؤون الدينية بالمسجد الحرام والمسجد النبوي

Jawatankuasa Ilmiah Pentadbiran Hal Ehwal
Agama Masjid al-Haram dan Masjid al-Nabawi

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Saya Seorang Muslim

Saya seorang Muslim; Ertinya saya beragama Islam.

Islam merupakan kalimah agung lagi suci yang diwarisi oleh semua para nabi AS, bermula nabi pertama sehingga yang terakhir.

Kalimah 'Islam' ini membawa makna-makna yang luhur dan nilai-nilai yang agung di sebalik huruf-hurufnya;

Ia bermaksud penyerahan, kepatuhan dan ketaatan kepada Pencipta,

Ia bermaksud kesejahteraan, ketenangan, kebahagiaan, dan keamanan buat individu dan masyarakat.

Oleh sebab itu, perkataan SALAM dan ISLAM merupakan kalimah yang paling banyak disebutkan dalam syariat Islam.

Al-SALAM (Maha Sejahtera) merupakan salah satu nama Allah,

Sapaan sesama Muslim asSALAMualaykum.

Sapaan ahli syurga juga SALAM,

Orang Islam yang hakiki adalah orang yang lidah dan tangannya SELAMAT daripada menyakiti Muslim lain.

Tuntasnya, Islam merupakan agama kebaikan buat seluruh manusia; ia meliputi kesemua mereka,

ia jalan kebahagiaan buat mereka di dunia dan di akhirat

Oleh itu, agama Islam datang sebagai penutup yang sempurna, luas, jelas dan terbuka kepada semua individe tanpa mengira bangsa dan warna kulit, bahkan Islam menilai semua manusia dengan satu timbangan saksama.

Seseorang hanya dianggap hebat dalam Islam mengikut kadar pelaksanaannya terhadap ajaran-ajaran Islam.

Kerana keadilan inilah, jiwa yang sejahtera akan menerimanya kerana ia menepati fitrah;

Setiap manusia dilahirkan dalam keadaan baik, mencintai keadilan, kebebasan, mencintai Tuhannya, mengakui bahawa hanya Dia yang layak disembah dan berhak diibadahi, tiada yang lain;

Seseorang tidak akan terpesong daripada fitrah ini melainkan kerana faktor luaran yang mengubahnya;

Agama inilah yang diredai oleh Pencipta Manusia, Tuhan dan sembahkan mereka.

Agamaku, iaitu Islam mengajarkanku, bahawa aku akan hidup di dunia, kemudian setelah kematianku, aku akan berangkat ke alam yang lain, alam yang kekal abadi buat semua manusia, sama ada syurga atau neraka.

Agamaku memberikan arahan kepadaku, sama ada berbentuk perintah untuk dilakukan, atau larangan untuk ditinggalkan;

Sekiranya aku melaksanakan suruhan-suruhan tersebut dan menjauhi larangan-larangan itu, aku akan bahagia di dunia dan di akhirat.

Sekiranya aku melanggar arahan tersebut, aku akan mendapat kesengsaraan di dunia dan akhirat mengikut kadar pelanggaran.

Arahan terbesar yang diperintahkan dalam Islam adalah mentauhidkan Allah;

Maka aku bersaksi dan berpegang dengan pegangan yang teguh, bahawa Allah merupakan Pencipta-ku dan sembahanku;

Aku tidak akan menyembah melainkan Allah, kerana cintaku kepada-Nya, takutku terhadap azab-Nya, harapanku kepada pahala-Nya dan penyerahanku kepada-Nya,

Tauhid tersebut terealisasi dengan memberikan kesaksian bahawa Allah itu esa, dan Nabi Muhammad itu utusan Allah.

Nabi Muhammad merupakan penutup sekalian Nabi, Allah menghantar baginda sebagai rahmat kepada sekalian alam. Tugas kenabian serta kerasulan berakhir dengan baginda, tiada lagi Nabi selepasnya,

baginda datang membawa agama yang sesuai dengan setiap masa, tempat dan individu.

Agamaku memerintahkanku secara tegas untuk beriman dengan para malaikat dan para rasul, terutamanya Nabi Nuh, Ibrahim, Musa, 'Isa dan Muhammad 'alayhimussalam.

Agamaku juga memerintahkanku untuk beriman dengan kitab-kitab Samawi yang diturunkan kepada para Rasul, dan menyuruhku untuk mengikut kitab yang terakhir lagi teragung, iaitu al-Quran al-Karim.

Agamaku memerintahkanku untuk beriman dengan hari Akhirat yang merupakan hari setiap manusia diberi balasan berdasarkan amalan perbuatan mereka.

Agamaku memerintahkanku untuk beriman dengan Qadar, untuk reda dengan kejadian yang telah ditetapkan buatku dalam hidup ini, sama ada baik mahupun nampak buruk, dalam masa yang sama berusaha melaksanakan sebab-sebab keselamatan.

Beriman dengan Qadar memberikanku kerehatan, ketenangan, kesabaran dan tidak bersedih atas kejadian yang telah berlalu;

Kerana aku benar-benar yakin, bahawa bahagian yang telah ditakdirkan buatku tidak akan terlepas daripadaku, dan bahagian yang tidak ditakdirkan buatku, tidak akan aku dapati.

Setiap sesuatu telah ditetapkan dan dicatat di sisi Allah, aku hanya perlu melaksanakan sebab-sebab, kemudian reda dengan natijah yang akan berlaku selepas itu.

Islam memerintahkanku untuk menyucikan hatiku dengan amalan-amalan soleh, berakhlak mulia yang diredai oleh Tuhanku, yang dapat

membersihkan diriku, membahagiakan hatiku, melapangkan dadaku, menerangkan jalanku dan menjadikanku ahli masyarakat yang bermanfaat.

Amalan yang teragung tersebut adalah mentauhidkan Allah, menunaikan solat lima waktu sehari semalam, mengeluarkan zakat harta, berpuasa sebulan dalam setahun iaitu bulan Ramadan, menunaikan haji di Rumah Suci Allah di Mekah bagi yang mampu.

Antara pedoman teragung untuk menenangkan hati yang diajarkan agamaku ialah memperbanyakkan bacaan al-Quran iaitu kalam Allah, perkataan yang paling benar, paling indah lagi agung, yang merangkumi ilmu terdahulu dan akan datang;

Membacanya atau mendengarnya mendatangkan ketenangan, kerehatan dan kebahagiaan di hati, meskipun pembacanya atau pendengarnya tidak memahami bahasa Arab, hatta walaupun bukan Muslim

Antara cara terhebat untuk meraih kelapangan jiwa juga ialah banyak berdoa kepada Allah, meminta kepada-Nya sekecil-sekecil dan sebesar-sebesar perkara;

Allah akan menerima doa orang yang berdoa kepada-Nya dan mengikhlaskan ibadah kepada-Nya.

Memperbanyakkan zikir kepada Allah SWT juga merupakan ubat yang memberi kelapangan dada.

Nabiku SAW telah memberi petunjuk kepadaku tentang tatacara berzikir dan mengajarkanku sebaik-sebaik zikir untuk mengingati-Nya,

Antaranya kalimah-kalimah yang empat itu ialah sebaik-baik kalimah selepas al-Quran iaitu 'Subhanallah', 'Alhamdulillah', 'La Ilaha Illallah' dan 'Allahu Akbar'.

Begitu juga 'Astaghfirullah' dan 'La Hawla Wala Quwwata Illa Billah'.

Kalimah-kalimah ini mampu memberi kesan yang mendalam terhadap kelapangan jiwa dan ketenangan hati.

Islam mengajarkanku untuk menjaga maruah diri, menjauhkan diri daripada perkara yang menjatuhkan nilai kemanusiaan dan kemuliaanku,

juga mengajarku menggunakan akal dan anggota tubuhku untuk tujuan penciptaanku, iaitu dengan melakukan pekerjaan yang bermanfaat bagi agama dan duniaku.

Islam memerintahkanku untuk berkasih sayang, berakhlak mulia, berinteraksi dengan baik sesama manusia semampuku dengan perkataan dan perbuatan.

Hak makhluk terbesar yang diterapkan agamaku ialah hak kedua ibu bapa; agamaku mendidikku untuk berbakti kepada kedua-dua mereka, berusaha membahagiakan mereka, memberi manfaat kepada mereka berdua, terutamanya ketika sudah mencecah usia tua;

Oleh sebab itu, kamu dapati ibu bapa mendapat kedudukan yang tinggi dalam masyarakat Islam, mereka dihormati dan diberi khidmat oleh anak-anak mereka.

Semakin lanjut usia ibu bapa, atau ditimpa sakit, atau melemah dek dimamah usia, maka semakin bertambah jumlah bakti anak-anak kepada mereka.

Agamaku juga mengajarkanku bahawa kaum wanita mempunyai kehormatan yang tinggi dan hak-hak istimewa.

Kaum wanita dianggap saudari kaum lelaki dalam Islam. Islam juga mengajarkan bahawa manusia terbaik adalah suami yang terbaik layanannya kepada isterinya

Sejak kecil lagi, anak gadis mendapat hak penyusuan, penjagaan dan pendidikan yang terbaik. Anak gadis sentiasa menjadi penyejuk mata dan jiwa buat seisi keluarga.

Apabila si gadis menginjak dewasa, dia akan dihormati dan dimuliakan, sentiasa dilindungi oleh walinya dan diberi perhatian.

Wali wanita, baik bapa atau suaminya, tidak akan rela ada tangan atau lidah yang menyakiti sang wanita, atau mata yang memandangnya dengan jelek.

Apabila wanita berkahwin, perkahwinan tersebut terbina atas Kalimah Tuhan dan perjanjian yang berat.

Di rumah suaminya, wanita menjadi peneman terhormat,

suaminya wajib untuk memuliakannya, berbuat baik kepadanya dan menahan segala keburukan daripada menyimpannya.

Apabila wanita menjadi ibu, maka anak diwajibkan berbakti kepadanya. Dosa menderhakai dan biadab kepada ibu berada pada tempat kedua selepas dosa syirik.

Wanita sebagai adik-beradik pula, diwajibkan ke atas adik-beradik lelaki untuk mengeratkan hubungan dengannya, memuliakan dan memberi perhatian kepada adik-beradik perempuannya.

Adik-beradik perempuan ibu juga wajib dihormati dan dilayani seperti ibu kandung juga.

Sekiranya dia seorang nenek, atau wanita yang berumur, bertambahlah nilainya di sisi anak-anaknya, cucu-cucunya serta kaum kerabatnya. Tidak akan pernah ditolak permintaannya dan tidak akan diabaikan pendapatnya.

Sekiranya seseorang wanita itu tidak memiliki hubungan kerabat atau jiran, dia tetap berhak mendapat hak Islam yang umum seperti dibela, tidak disakiti, ditundukkan pandangan dan seumpamanya.

Sehingga kini, masyarakat Muslim masih memelihara hak-hak ini dengan baik, membuatkan wanita Muslimah dihargai dan dihormati, tidak

seperti kedudukan wanita dalam masyarakat bukan Islam.

Dalam Islam, wanita juga memiliki hak untuk memiliki harta dan menguruskan transaksi. Mereka juga berhak mendapat pelajaran, pendidikan dan pekerjaan yang selari dengan nilai agama.

Bahkan ada ilmu yang fardhu 'ain, wajib dipelajari setiap individu, berdosa meninggalkannya sama ada lelaki atau perempuan.

Bahkan juga, wanita mendapat layanan sama seperti lelaki, kecuali beberapa perkara yang menjadi keistimewaan khusus wanita, dan beberapa perkara yang menjadi keistimewaan khusus lelaki; sama ada berbentuk hukum-hakam, hak dan selainnya, yang bersesuaian dengan tabiat jantina masing-masing.

Agamaku juga memerintahkan agar aku mencintai adik beradikku lelaki dan perempuan, bapa-bapa dan ibu-ibu saudaraku, dan semua kaum kerabatku. Agamaku juga menggesaku untuk memenuhi hak-hak isteriku, anak-anakku dan jiran tetanggaku.

Agamaku juga memerintahkan agar aku menuntut ilmu, menggalakkanku untuk berusaha meningkatkan kualiti intelektualku, akhlak moralku dan seni berfikirku.

Agamaku memerintahkanku untuk bersikap malu, lemah-lembut, pemurah, berani, bijaksana,

sederhana, sabar, amanah, tawaduk, kehormatan, integriti, setia, mencintai kebaikan buat manusia, berusaha mencari rezeki, belas kasihan kepada orang miskin, menjenguk orang sakit, memenuhi janji, bercakap sopan, bertemu dengan manusia dengan ceria dan berusaha membahagiakan mereka semampuku.

Namun sebaliknya, Islam memberi amaran daripada sikap jahil dan melarangku daripada kekufuran, ateisme, maksiat, perkara tidak bermoral, zina, hubungan sejenis, kesombongan, hasad, dengki, buruk sangka, pesimis, resah, menipu, putus asa, tamak, malas, pengecut, menganggur, pemaarah, menceroboh, kebodohan, menyakiti manusia, banyak bersembang perkara yang tak berfaedah, menyebarkan keaiban, khianat, mungkir janji, derhaka kepada kedua ibu bapa, memutuskan silaturahim, mengabaikan anak-anak, menyakiti jiran dan makhluk lain secara umum.

Islam melarangku juga daripada meminum air yang mabuk, menghisap dadah, berjudi, mencuri, menipu, kecurangan, menakutkan manusia, mencari-cari keaiban dan kesalahan mereka.

Agamaku memelihara harta, sekali gus meluaskan keselamatan dan keamanan. Islam juga menggalakkan sikap amanah dan memuji pelakunya serta menjanjikan mereka kehidupan yang baik dan masuk ke syurga di akhirat kelak. Islam mengharamkan perbuatan mencuri dan

menjanjikan balasan buruk buat pelakunya di dunia dan di akhirat.

Agama menjaga nyawa. Oleh sebab itu, Islam melarang membunuh mana-mana jiwa tanpa hak, dan mengharamkan sebarang betuk melampaui batas terhadap pihak lain.

Bahkan Islam mengharamkan manusia melampau terhadap diri sendiri. Islam tidak membenarkan manusia merosakkan akalunya, menghancurkan kesihatannya atau membunuh dirinya.

Agamaku Islam menjamin kebebasan namun meletakkan aturan dan piawaian buatnya.

Manusia dalam agama ini bebas dalam berfikir, berurus niaga, menikmati keseronokan hidup dengan makanan, minuman, pakaian dan hiburan, selagi mana tidak melakukan perkara haram yang menyebabkan mudarat kepada dirinya dan orang lain.

Agamaku meletakkan aturan dalam kebebasan, seseorang tidak boleh melanggarnya. Islam melarang daripada terjerumus dalam kelazatan yang haram sehingga menyebabkan hartanya, kebahagiaannya dan kemanusiaannya tergadai.

Sekiranya kamu memerhatikan golongan yang mendakwa pejuang kebebasan mutlak, memuaskan syahwat semahunya tanpa rasa takut terhadap agama dan akal, kamu akan dapati mereka hidup dalam kesengsaraan mental,

sehingga sebahagian mereka memilih untuk membunuh diri kerana mahu berlepas diri daripada kebimbangan.

Agamaku mengajarkanku etika-etika yang tinggi ketika makan, minum, tidur dan berinteraksi dengan manusia.

Agamaku mengajarkanku toleransi dalam jual beli dan menuntut hak.

Agama juga mengajarkanku untuk bertoleransi dengan penganut lain agama; aku tidak boleh menzalimi mereka, berbuat buruk kepada mereka. Bahkan aku diajarkan berbuat baik buat kepada mereka dan mengharapakan kebaikan agama ini sampai kepada mereka.

Sejarah umat Islam menyaksikan toleransi umat Islam terhadap penganut agama lain yang tidak pernah ditemui pada sejarah umat yang lain;

Umat Islam telah hidup bersama dengan masyarakat pelbagai agama, mereka duduk di bawah pemerintahan orang Islam. Hubungan orang Islam majoriti dengan minoriti bukan Islam lebih indah berbanding kebanyakan hubungan sosial dalam masyarakat majoriti lain.

Secara umum, Islam mengajarkanku etika kehidupan secara terperinci, tatainteraksi, kemuliaan akhlak yang mengindahkannya dan menyempurnakan kegembiraanku.

Islam melaranku daripada tindakan yang mengotorkan hidupku, merisikokan organisasi

sosial, membahayakan nyawa, akal, harta, kemuliaan dan maruah.

Semakin banyak aku melaksanakan ajaran-ajaran tersebut, semakin bertambah kebahagiaanku.

Semakin aku lalai dan leka dengan ajaran-ajaran tersebut, semakin surut kebahagiaanku.

Tidaklah apa yang disebutkan sebelum ini menunjukkan aku maksum, tidak bersalah dan tidak lalai. Agamaku meraikan tabiatku sebagai manusia. Kerana kelemahanku, kadangkala aku melakukan kesalahan, kelalaian dan kealpaan. Oleh sebab itu, Islam membuka pintu taubat, istighfar dan kembali kepada Allah. Taubat menghapuskan kesan buruk kesilapanku dan mengangkat kedudukanku di sisi Tuhanku.

Setiap ajaran-ajaran agama Islam, sama ada akidah, akhlak, etika dan muamalat, kesemuanya bersumber daripada al-Quran dan Sunnah yang suci.

Akhirnya, aku cukup yakin, sekiranya mana-mana manusia di mana-mana tempat dalam dunia ini meneliti hakikat agama Islam dengan pandangan mata yang adil dan objektif, pasti akan memeluk agama Islam.

Akan tetapi amatlah musibah kerana agama Islam telah diburukkan dengan dakwaan-dakwaan palsu dan tindakan sebahagian golongan yang

menisbahkan diri kepada agama ini, sedangkan mereka tidak mengamalkannya.

Sekiranya seseorang meneliti hakikat Islam yang sebenar, atau sikap penganut hakiki Islam, sudah pasti mereka tidak teragak-agak untuk menerima dan menganut Islam juga.

Dan akan jelaslah kepadanya bahawa Islam mengajak untuk membahagiakan manusia, meluaskan kedamaian dan keamanan serta menyebarkan keadilan dan ihsan.

Penyimpangan sebahagian orang yang menisbahkan kepada Islam, ia tidak boleh dianggap sebagai ajaran agama. Agama tidak sewajarnya diaibkan dengan sikap penganut yang tidak mengamalkan ajarannya, bahkan agama berlepas diri daripadanya.

Beban kesalahan mereka wajib ditanggung ke atas pundak pelakunya, bukan disalahkan agamanya, kerana Islam tidak mengajarkan sebegitu, bahkan melarang keras sikap dan kesalahan mereka.

Sikap adil menuntut kita menilai agama berdasarkan penganut yang benar-benar mengamalkan agamanya. Jika sikap ini diamalkan dalam menilai Islam, pasti hati para pengkaji akan mengagumi agama ini dan penganutnya.

Tidak ada sebarang kebaikan, sekecil mana pun ia, melainkan Islam mengajar dan menyeru manusia kepadanya. Begitu juga, tidak ada

sebarang keburukan, sekecil mana pun ia, melainkan Islam sudah melarangnya dan menutup laluan yang membawa kepadanya.

Justeru ini, sesiapa yang mengagungkan agama ini, melaksanakan syiar-syiarnya akan menjadi manusia yang paling bahagia, dia akan menjadi manusia paling baik dan berakhlak, dengan pengakuan kawan dan lawan.

Tetapi jika kita menilai agama ini berdasarkan orang-orang Islam yang cuai dalam pelaksanaan agama, maka ini bukanlah sikap yang adil dan objektif dalam mengkaji.



رسالة الحرمين

Pesanan Al-Haramain

Kandungan panduan untuk pengunjung Masjidil Haram dan Masjid Nabawi dalam pelbagai bahasa.

